



1 Januari 2017  
1 January 2017  
P.U. (A) 1

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

PERINTAH FI (PAS PENGGAJIAN, PAS LAWATAN  
(KERJA SEMENTARA) DAN PAS KERJA)  
(PINDAAN) 2017

*FEES (EMPLOYMENT PASS, VISIT PASS  
(TEMPORARY EMPLOYMENT) AND WORK PASS)  
(AMENDMENT) ORDER 2017*



DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA FI 1951

PERINTAH FI (PAS PENGGAJIAN, PAS LAWATAN  
(KERJA SEMENTARA) DAN PAS KERJA) (PINDAAN) 2017

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Fi 1951 [*Akta 209*], Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Fi (Pas Penggajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Kerja) (Pindaan) 2017**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2017.

**Pindaan perenggan 3**

2. Perintah Fi (Pas Penggajian, Pas Lawatan (Kerja Sementara) dan Pas Kerja) 1998 [*P.U. (A) 479/1998*], yang disebut “Perintah ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam perenggan 3—

(a) dengan menggantikan perkataan “Pemegang Pas Penggajian” dengan perkataan “Majikan kepada pemegang Pas Penggajian”; dan

(b) dengan memotong perkataan “kepadanya”.

**Pindaan Jadual I**

3. Perintah ibu dipinda dalam Jadual I—

(a) dengan menggantikan tajuk “*Pemegang Pas*” dengan tajuk “*Jenis Pas*”;

(b) dalam butiran (b), (c), (d), (e) dan (h), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang bekerja dalam” dengan perkataan “Pas Lawatan (Kerja Sementara) bagi”;

- (c) dalam butiran (f), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang bekerja dalam sektor perkhidmatan bagi aktiviti yang berikut:” dengan perkataan “Pas Lawatan (Kerja Sementara) bagi sektor perkhidmatan yang berikut:”; dan
- (d) dalam butiran (g), dengan menggantikan perkataan “Pemegang Pas Lawatan (Kerja Sementara) yang bekerja sebagai pembantu rumah bagi—” dengan perkataan “Pas Lawatan (Kerja Sementara) bagi pembantu rumah yang berikut:”.

Dibuat 22 Disember 2016  
[KDN (S): 100/508/3 Jld. (4); PN(PU2)86/XVII]

Dengan Titah Perintah

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Menteri Dalam Negeri*

[*Akan dibentangkan dalam Dewan Rakyat menurut seksyen 4 Akta Fi 1951*]

FEES ACT 1951

FEES (EMPLOYMENT PASS, VISIT PASS (TEMPORARY EMPLOYMENT)  
AND WORK PASS) (AMENDMENT) ORDER 2017

IN exercise of the powers conferred by section 3 of the Fees Act 1951 [*Act 209*], the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Fees (Employment Pass, Visit Pass (Temporary Employment) and Work Pass) (Amendment) Order 2017**.

(2) This Order comes into operation on 1 January 2017.

**Amendment of paragraph 3**

2. The Fees (Employment Pass, Visit Pass (Temporary Employment) and Work Pass) Order 1998 [*P.U. (A) 479/1998*], which is referred to as the “principal Order” in this Order, is amended in paragraph 3—

(a) by substituting for the words “An Employment Pass holder” the words “An employer of the Employment Pass holder”; and

(b) by deleting the words “to him”.

**Amendment of Schedule I**

3. The Principal Order is amended in the Schedule I—

(a) by substituting for the heading “*Pass Holder*” the heading “*Type of Pass*”;

(b) in items (b), (c), (d), (e) and (h), by substituting for the words “Visit Pass (Temporary Employment) holder working in” the words “Visit Pass (Temporary Employment) for”;

- (c) in item (f), by substituting for the words “Visit Pass (Temporary Employment) holder working in services sector for the following activities:” the words “Visit Pass (Temporary Employment) for the following services sector:”; and
- (d) in item (g), by substituting for the words “Visit Pass (Temporary Employment) holder working as domestic maid for—” the words “Visit Pass (Temporary Employment) for the following domestic maid:”.

Made 22 December 2016

[KDN (S): 100/508/3 Jld. (4); PN (PU2)86/XVII]

By Command

DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID BIN HAMIDI  
*Minister of Home Affairs*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to section 4 of the Fees Act 1951]*